

# Pasukan penyelidikan UMS, TLDM harus dibentuk

► Bagi merangka strategi, pelan tindakan untuk penyelidikan, dokumentasi serta penerbitan berkaitan maritim

Oleh YAP SIONG HAN  
sionghan\_yap@yahoo.com  
11B 24.11.2012 A5

**KOTA KINABALU:** Satu pasukan penyelidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang terdiri daripada pelbagai sekolah, pusat dan institusi serta bersama unit atau pusat di bawah Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) harus dibentuk.

Naib Cancellor UMS, Kapt (K) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata pasukan yang bakal dibentuk itu adalah khusus bagi merangka strategi serta pelan tindakan bagi melaksanakan penyelidikan, dokumentasi serta penerbitan berkaitan sejarah maritim negara terutamanya yang berkaitan dengan Kepulauan Borneo.

“Melalui penubuhan PALAPES Laut UMS, kita dapat mengukuhkan bidang penyelidikan serta kerjasama berkaitan marin biologi, hidrologi dan kemandirian atau autonomi yang berkaitan dengan pulau-pulau yang ada di rantau ini.

“Kita harus mengenal isi luar dan dalam hati para penghuninya melalui kajian etnografi penduduk yang meliputi pelbagai budaya atau cara hidup,” katanya ketika berucap di Majlis Pelancaran Palapes Laut UMS di sini kelmarin.

Beliau berkata, kajian itu berkaitan dengan strategi lautan biru bagi memenangi hati dan perasaan rakyat, kajian seumpama itulah akan menyumbang kepada kedaulatan serta keselamatan maritim negara yang menjadi misi TLDM.

Harun berharap agar

“Melalui penubuhan Palapes Laut UMS, kita dapat mengukuhkan bidang penyelidikan serta kerjasama berkaitan marin biologi, hidrologi dan kemandirian atau autonomi yang berkaitan dengan pulau-pulau yang ada di rantau ini.”

**PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH**  
Naib Cancellor UMS, Kapt (K)



SEBAGIAN daripada PALAPES Laut UMS dalam pertunjukan khas di majlis itu.

kakitangan akademik UMS tidak merasakan bahawa penubuhan unit itu hanyalah berkaitan dengan aktiviti Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM) semata-mata.

“Unit ini harus melangkaui peranan dan fungsi penubuhan UMS yang boleh dimainkan oleh setiap jabatan, sekolah, pusat, institusi dan unit di dalamnya.

“Kerjasama strategik ini harus diperluaskan konteksnya meliputi pelbagai bidang pendidikan, penyelidikan dan inovasi. Sebagai contoh, Sistem Hyperbaric Recompression Chamber yang dimiliki oleh TLDM boleh digunakan dalam pelbagai bidang

penyelidikan.

“Antaranya seperti bidang perubatan, fisiologi, kesihatan, kecergasan, psikologi serta banyak lagi,” katanya.

Menurutnya, hasil penyelidikan yang dilaksanakan bersama diyakini akan memberikan manfaat kepada aspek pembangunan modal insan TLDM dan masyarakat umum keseluruhannya.

Sehingga kini, Palapes Laut UMS sudah mempunyai 58 peserta yang terdiri daripada angkatan pertama dan kedua.

Majlis itu telah dirasmikan oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Mohammed Noordin Ali.



HARUN (kiri) menyampaikan cendera kenangan kepada Noordin di majlis itu.